

# JANGAN ASINGKAN DARI BUKAN ISLAM

MM 7 1983

— P M —  
DIRI

**K**UALA LUMPUR 6 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu masyarakat Islam di negara ini terutama sekali mereka yang terpelajar mengasingkan diri daripada orang-orang bukan Islam.

Perdana Menteri menegaskan, jika masyarakat Islam ingin maju tanpa menjejaskan agamanya sendiri, mereka mestilah pandai bergerak dalam masyarakat majmuk negara ini.

Beliau juga mahu para ulama mendekati diri mereka dengan orang-orang bukan Islam "sekurang-kurangnya untuk memastikan supaya Islam tidak disalahertikan."

Berucap melancarkan Yayasan Nadwah Akademi Islam (NADI) Berhad di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, umat Islam perlu menerima realiti bahawa mereka tidak dapat mengasingkan diri daripada orang-orang Islam.

"Mengasingkan diri daripada orang-orang bukan Islam bukanlah caranya.

"Malangnya, ada orang-orang Islam yang terpelajar yang tidak bercampur langsung dengan orang-orang yang bukan Islam," ujarnya.

Menurut beliau, ini membentuk sikap yang tidak sesuai dengan keadaan sebenar

dalam masyarakat Malaysia. Segala rancangan dan pendekatan yang dibuat tidak akan berhasil kerana tidak mengambilkira keadaan sebenar.

Bagaimana orang-orang Islam berinteraksi dengan orang-orang beragama lain patutlah juga diberi perhatian terutama oleh ulama-ulama di Malaysia, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Dalam hal ini, para ulama sendiri perlu mengadakan interaksi dengan orang lain supaya nasihat mereka berasaskan juga kepada pengalaman. Membuat larangan-larangan dari jauh saja akan mengelirukan orang-orang Islam, sedangkan mereka tidak dapat mengelakkan diri daripada mengadakan hubungan dengan penganut-penganut agama lain.

Beliau mahu perhubungan yang baik dan mesra dikekalkan di antara orang-orang Islam dengan bukan Islam untuk menjamin keamanan di negara ini sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

"Sekurang-kurangnya untuk memastikan supaya Islam tidak disalahertikan dan menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada mereka yang belum menganutinya yang mana sudah tentu termasuk dalam ruangan perkara-perkara yang dituntut oleh Allah ke atas setiap umat Islam," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian apabila Nabi Muhammad S.A.W. menerima wahyu, tidak seorang pun Islam di kota Mekah dan jika junjungan kita tidak bercampur dengan orang-orang bukan Islam, mustahil agama Islam dapat berkembang.

Di Madinah, Nabi Muhammad S.A.W. tidak memisahkan orang-orang Islam daripada orang-orang bukan Islam seperti Nasrani dan Yahudi dan atas usaha dan panduan baginda mereka telah mendampingi diri dengan mereka yang belum menganuti Islam.

Akhirnya, terdapat juga beberapa orang daripada bukan Islam menganuti Islam dan sebahagiannya pula dapat memahami dan mengerti nilai-nilai pentadbiran yang jujur, cekap dan bersemangat toleransi yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. dan sahabat-sahabatnya.

"Begitu juga, kalau orang-orang Islam yang mula-mula datang menjelajah ke negara kita ini beberapa abad dahulu tidak bercampur-gaul dan mendekati diri dengan rakyat tempatan yang belum beragama Islam, mungkin kita tidak akan menganuti Islam hari ini," katanya.